

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9 OCTOBER 2016

Tujuh juta rakyat pelbagai kaum sertai Hari Sukan Negara

Wadah penyatuan rakyat - Najib

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 8 OKT.

HARI Sukan Negara yang menyasarkan penyertaan tujuh juta rakyat negara ini menjadi wadah penyatuan masyarakat berbilang kaum di Malaysia selain membudayakan gaya hidup sihat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang gembira dengan sambutan program itu hari ini berkata, pelbagai program sukan yang diatur juga berupaya menjadi pencetus semangat patriotik cintakan tanah air dalam kalangan rakyat sekali gus sokongan terhadap industri sukan akan berterusan.

Beliau berkata, rakyat harus menjadikan sukan sebagai satu budaya yang diamalkan setiap masa dan bukannya ketika Hari Sukan Negara diadakan sahaja.

"Kalau penyertaan kita setakat pada Hari Sukan Negara, maka sukan tidak boleh dijadikan wadah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang cergas dan mempunyai tahap kesihatan yang baik.

"Lihatlah sukan ini sebagai penyatuan dan kebersamaan. Tiada detik paling bermakna selain melihat detik-detik wira dan wirawati atlet Olimpik dan Paralimpik bertarung demi kemenangan.

"Meskipun kita hanya menyaksikan detik beribu batu itu melalui televisyen, namun kita berasa begitu bangga menjadi rakyat Malaysia kerana kejayaan yang diraih memberi inspirasi dan menyerlahkan imej negara," katanya berucap di hadapan lebih 15,000 orang pada perasmian Hari Sukan Negara yang berlangsung di seluruh negara, di Persiaran Perdana, Presint 2 di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin; Menteri Wilayah Persekutuan, Tengku Adnan Tengku Mansor dan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan.

Hadir sama atlet-atlet Olimpik



NAJIB TUN RAZAK ditemani Khairy Jamaluddin dan Tengku Adnan Tengku Mansor melepaskan peserta kayuhan basikal pada Hari Sukan Negara di Presint 2, Putrajaya, semalam. - BERNAMA

dan Paralimpik antaranya Datuk Lee Chong Wei, Azizulhasni Awang, Tan Wee Kiong, Goh V Shem, Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi, Muhammad Ziyad Zolkefli, Abdul Latif Romly dan Siti Noor Radiah Ismail.

Najib mahu Hari Sukan Negara didefinisikan sebagai bersukan pada setiap hari sejajar dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai 'Negara Bersukan'.

Jelasnya, aktiviti bersukan tidak perlu dilakukan secara rasmi, sebaliknya boleh dilakukan dengan amalan menjadikan kaki dan menaiki tangga.

Perdana Menteri turut menasihatkan rakyat agar menga-

malkan pemakanan yang sihat dengan berusaha mengurangkan pengambilan pemakanan tidak sihat terutama yang berlemak.

"Kalau tengok makanan yang terlalu banyak lemak, tolak ke tepi. Jangan cari soal sedap sahaja, tetapi sedap dan sihat," katanya.

Perdana Menteri seterusnya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana kejayaan meningkatkan jumlah penyertaan untuk Hari Sukan Negara tahun ini kepada tujuh juta berbanding 5.1 juta tahun lalu.

Sambutan Hari Sukan Negara di Putrajaya bersama Perdana

Menteri seawal pukul 7.30 pagi itu dimulakan dengan acara berbasikal kira-kira satu kilometer dari Persiaran Perdana sehingga ke hadapan Istana Kehakiman.

Najib kemudiannya melakukan senamrobik bersama murid-murid sekolah di sekitar Putrajaya, Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan sebelum menyertai Program Kecergasan Jalan Ria 1Murid 1Sukan.

Perdana Menteri selepas itu mencuri tumpuan dengan menyertai salah satu acara yang diadakan iaitu membuat sepakan penalti dan berjaya menjaringkan gol apabila menewaskan Chong Wei selaku penjaga gol.



Lihatlah sukan ini sebagai penyatuan dan kebersamaan. Tiada detik paling bermakna selain melihat detik-detik wira dan wirawati atlet Olimpik dan Paralimpik bertarung demi kemenangan."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri Malaysia